

16 keluarga dipindah rumah dibadai ombak besar

Kota Bharu: Kira-kira 10 rumah di tepi pantai Kampung Pulau Kundur, di sini, rosak teruk selepas dihempas ombak akibat fenomena air pasang besar, petang kelmarin.

Air pasang besar juga menyebabkan kampung berkenaan ditenggelami banjir sedalam 0.5 meter sehingga 72 penduduk dari 16 keluarga terpaksa dipindahkan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Kundur. Kawasan lain yang turut terjejas, termasuk bandar Tumpat, Kampung Tanjung Kuala, Tanjung Che Mas dan Dalam Rhu.

Kejadian paling teruk

Penduduk, Rohani Hassan, 51, berkata angin kencang dan laut bergelora mula melanda kira-kira jam 8 malam kelmarin sehingga kira-kira 10 rumah di tepi pantai itu rosak teruk dalam kejadian yang disifatkan paling teruk pernah dialami, di luar jangka dan



Rumah nelayan ditenggelami pasir pantai sehingga terpaksa dipindahkan di Kampung Pulau Kundur, Kota Bharu, semalam.

[FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR/BH]

sungguh menakutkan.

Ketua UMNO Bahagian Pengkalan Chepa, Datuk Zaluzi Sulaiman, ketika ditemui semalam, berkata lima rumah penduduk ditenggelami pasir pantai setinggi 2.5 meter berikutan air pasang besar yang dijangka berterusan sehingga esok.

“Saya sudah arahkan Jabatan

Kemajuan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JKKP) bersiap sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan,” katanya.

Sementara itu, Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Tumpat, Raja Arisan Raja Ismail, berkata limpahan air dari Tanjung Kuala serta hujan lebat malam kelmarin menyebabkan air naik di be-

berapa lokasi, termasuk di bandar Tumpat sebelum mulai surut semalam.

Ombak besar luar biasa

Di Kuala Nerus, sekurang-kurangnya 30 penduduk dari lapan keluarga di Kampung Gelam, Menggabang Telipot, terjejas selepas rumah mereka dipukul ombak

besar akibat fenomena air pasang dan angin kencang.

“Sepanjang 19 tahun tinggal di rumah pusaka ini, ini kali pertama saya berdepan kejadian ombak besar yang luar biasa tingginya, hampir tiga meter,” kata penduduk, Abdullah Mat Isa, 52, yang ketika kejadian, bersama isteri, Hani Awi, 44, dan anak, Nurhidayah, 18, berehat di ruang tamu selepas menikmati makan malam.

“Secara tiba-tiba, angin berubah kencang disertai ombak besar yang memusnahkan dapur dan ruang tamu rumah. Ombak kuat berlarutan sejak jam 5 petang lagi, tapi kami tak pindah kerana anggap ia perkara biasa.

“Namun, tiba-tiba kami dengar dentuman kuat dan melihat ombak besar menghanyutkan bahagian dapur rumah,” katanya yang kini menumpang di rumah saudara di Kampung Padang Kamunting.